

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 14 August 1988 > Page 8 > Artis kanak2 punya bakat menyerlah

Artis kanak2 punya bakat menyerlah

Berita Minggu, 14 August 1988, Page 8

Article also available on Microfilm Reel NL16235

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Artis kanak2 punya bakat menyerlah

Oleh

MOHD KAM-SAH SIRAT.

SEJAK kebelakangan ini dunia hiburan kita dibanjiri dengan bakat-bakat muda yang masih bersekolah. NLB

Kehadiran mereka sebagai penyanyi piring hitam semakin menyerikan dunia hiburan dan meramaikan lagi bilangan artis yang telah sedia ada.

Dengan para pencipta lagu dan penulis-penulis lirik ternama di belakang mereka, bakat-bakat muda ini segera terkenal menerusi lagu-lagu mereka yang cepat mendapat perhatian peminat.

Antara artis kanak-kanak yang baru muncul ini ialah Ruhil. Dia menjadi popular menerusi lagu *Kawan* daripada albumnya yang pertama berjedul *Di Kamar Sepi* terbitan syarikat Matahati.

Memandangkan penampilan Ruhil dalam bidang seni suara mendapat dorongan daripada keluarga, maka adalah munasabah jika albumnya itu diterbitkan oleh syarikat yang dimiliki

oleh ayahnya sendiri, Hussein Ali. NLB

Kawan adalah ciptaan Ramli Sarip dan senikatanya ditulis oleh S. Amin Shahab.

Album itu diterbitkan oleh M. Nasir.

Daripada lagu tersebut dan beberapa buah lagu lain, Ruhil, yang membahasakan dirinya

Information ^

Newspaper:
Berita MingguDate:
14 August 1988Reel Number:
NL16235

Table of Contents ^

< Previous | Page 8 | Next >

Hetty, Endang hibur peminat

Hetty, Endang hibur peminat DUA orang artis terkenal Indonesia, Hetty Koes Endang dan Endang S. Taurina,

Lovehunters buka studio latihan?

Lovehunters buka studio latihan? Oleh AZMAM SIRAT. LOVEHUNTERS sedang membuat persiapan untuk

Sheril Aida bertunang dengan menteri

Sheril Aida bertunang dengan menteri Oleh KAMSAH SIRAT PENYANYI remaja Sharifah Sheril Aida

View Full Table of Contents >

sebagai adik apabila berbual-bual dengan orang lain, kian dikenali ramai.

Para peminatnya terdiri daripada kanak-kanak dan juga orang-orang dewasa.

Dan petang ini, para peminat akan berpeluang menonton rakaman Ruhil menyanyi dalam rancangan *Dari Auditorium SBC* terbitan Radio 2 Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC). Pada esok malam, dia akan tampil dalam rancangan *Hiburan Minggu Ini*.

Dalam pertemuan singkat di Hotel Plaza, Kuala Lumpur, Ruhil memberitahu: "Adik menceburkan diri dalam bidang seni suara hanyalah untuk mencuba-cuba. Mencuba bidang barulah, kata orang.

"Cita-cita Adik sebenarnya, apabila tamat sekolah nanti, mahu menjadi pramugari. Adik ingat-ingat kalau Adik tak berjaya dalam bidang nyanyian, Adik boleh tumpukan perhatian pada cita-cita itu.

"Tapi nampaknya album Adik mendapat sambutan ramai. Jadi, emm... tengoklah dulu macam mana nanti."

Nama penuh Ruhil ialah Ruhil Amani Hussein. Pelajar di Sekolah Menengah Jalan Bukit Kajang, Kuala Lumpur, ini dilahirkan di Kuala Lumpur dalam

April 1975.



“Cita-cita Adik sebenarnya, apabila tamat sekolah nanti, mahu menjadi



pramugari. Adik ingat-ingat kalau Adik tak berjaya dalam bidang nyanyian, Adik boleh tumpukan perhatian pada cita-cita itu.”

Ruhil Amani Hussein.

NLB

Related Articles



'Hadiah' untuk dua seniman

Berita Harian 29 December 1991

'Hadiah' untuk dua seniman Album Ruhil khusus sanjung M. Nasir dan Ram...

'Kawan' dalam versi Indon

Berita Harian 17 January 1991

'Kawan' dalam versi Indon Ruhil dapat tawaran tiga syarikat rakaman di...

Pilihan artis muda: Menyanyi atau belajar

Berita Harian 9 November 1989

Pilihan artis muda: Menyanyi atau belajar DILIHAT dari sudut sumbangan...

